

Pelajar perlu kuasai teknologi terkini: PM

> Penggunaan dalam pembelajaran pastikan generasi muda tidak ketinggalan

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@nstp.com.my

Putrajaya

Tun Dr Mahathir Mohamad mahu pelajar menguasai teknologi terkini

dalam pembelajaran supaya tidak ketinggalan.

Perdana Menteri berkata, penggunaan teknologi sememangnya membantu dalam sistem dan kaedah pengajaran dan pembelajaran di sekolah pada masa ini.

“Masa kini kita melalui fasa di mana pembelajaran di sekolah diajar menggunakan kaedah dan cara baharu.

“Sekarang kita menggunakan teknologi seperti komputer

yang banyak disediakan di sekolah dan cara ini memberi banyak kemudahan kepada pelajar.

Situasi semasa dunia

"Jadi inilah situasi semasa dunia yang mana jika kita tidak tunjukkan kesungguhan untuk belajar sesuatu yang baharu, kita akan ketinggalan," katanya berucap pada Majlis Berbuka Puasa Persatuan Bekas Pelajar Kolej Sultan Abdul Hamid (SAHOCA) di sini, semalam.

Yang hadir sama, isteri Perdana Menteri, Tun Siti Hasmah Mohd Ali dan Presiden SAHOCA, Mirzan Mahathir.

Beliau berkata sekarang wujud perbezaan ketara antara generasi muda dan mereka yang

sudah berusia dalam menguasai dan memahami teknologi.

“Bagi golongan berusia, agak sukar untuk menguasai teknologi baharu, baru-baru ini saya diberi pelajaran cara penggunaan komputer oleh ‘seorang ketua pegawai eksekutif sebuah syarikat’ yang sangat muda, beliau begitu pantas dan cekap dalam mengendalikan komputer," katanya.

Kira-kira 500 bekas pelajar sekolah itu hadir pada majlis berkenaan yang mana Dr Mahathir adalah Presiden seumur hidup SAHOCA.

Sambil menyifatkan ia adalah majlis dihadiri paling ramai bekas pelajar bersamanya, Dr Mahathir berharap akan dapat melakukannya lagi pada tahun hadapan.